

# PM JELASKAN KONSEP BCA

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan secara terperinci kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat mengenai konsep bersih, cekap dan amanah (BCA).

Ini adalah sebagai menjawab soalan Encik Ismail Sald (BN-Kemaman) yang ingin tahu kriteria-kriteria bagi pentadbiran yang dikatakan bersih, cekap dan amanah itu.

Mengenai pentadbiran

atau organisasi yang cekap, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

“Ia adalah satu organisasi yang berdaya, bertenaga dan tahu bagaimana hendak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan pantas dan berkesan untuk mencapai satu matlamat.

Dalam konteks ini kata beliau, pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah sentiasa sadar akan tugas dan tanggungjawabnya kepada masyarakat dan perlu bersifat ‘responsive’ kepada masalah rakyat.

Mereka juga perlu bersifat ‘innovative’ untuk membawa pembaruan atau idea-idea baru dalam pentadbiran dan pengurusan organisasinya, tambahnya.

Mereka hendaklah sentiasa bekerja kuat dan keras serta bersedia mengorbankan masa dan tenaga, ujar Datuk Seri Dr. Mahathir lagi.

Pentadbiran yang bersih, kata Perdana Menteri, ialah segala tindakan-tindakan dalam menjalankan sesuatu tugas itu tidak mempunyai tujuan yang menyeliewng bagi

kepentingan diri sendiri dengan cara menyalahgunakan kuasa dan pengaruh kedudukan rasmi.

“Jika sesuatu projek atau program itu adalah untuk faedah rakyat, maka tugas dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan yang menguruskan program itu ialah menentukan rakyat yang menikmati faedah projek itu,” katanya.

Sifat amanah dalam pentadbiran, tegas beliau, memerlukan seseorang pegawai dan kakitangan itu menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh kejujuran dan keikhlasan.

Dengan bersifat amanahlah juga seseorang itu dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan bersih, katanya.

Dengan itu adalah perlu bagi seseorang itu mempunyai disiplin diri yang baik, berakhlak mulia serta mempunyai perasaan taat setia dan menyayangi kepada majikan atau organisasi dan seterusnya kepada negara, tambah Perdana Menteri.

Beliau juga menjelaskan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mewujudkan pentadbiran-pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah.

Antaranya, mengadakan kursus-kursus, latihan-latihan dan usaha menambah pelajaran, ilmu pengetahuan dan kemampuan profesional pegawai-pegawai kerajaan.

## Etika kerja

Usaha mengubah sikap dan membuat mereka lebih ‘motivated’, dedikasi serta mempunyai disiplin yang baik diusahakan melalui gerakan khidmat cemerlang dan usaha ini sedang dipertingkatkan lagi melalui pelaksanaan dasar memandang ke timur untuk menyerapkan etika kerja orang-orang Jepun, katanya.

Kerajaan sekarang sedang mengkaji cara mempertingkatkan lagi daya pengeluaran, jelas beliau.

Usaha-usaha membasmi amalan penyelewengan dan rasuah katanya, sedang dan akan terus dipertingkatkan.

Mengenai sejauh manakah pentadbiran sekarang memenuhi kriteria-kriteria yang disebutkan tadi, Perdana Menteri berkata, secara amnya, pentadbiran negara ini boleh diperbaiki dan perlu dipertingkatkan.

“Saya yakin pentadbiran kita akan menjadi lebih dinamik sekiranya semua kakitangan kerajaan dan masyarakat bekerjasama serta bekerja kuat untuk menjadikannya benar-benar bersih, cekap dan amanah,” tambahnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 3003  
No. Penerimaan ..... 748/85